



SIARAN MEDIA

MAKLUMAN PELANJUTAN PENANGGUHAN SEMENTARA KEBENARAN AKTIVITI RENTAS SEMPADAN DAN PELANJUTAN PENANGGUHAN SEMENTARA BAGI PELAJAR-PELAJAR YANG MENUNTUT DI LUAR NEGARA, SERTA PENANGGUHAN SEMENTARA KEBENARAN KELUAR NEGERI BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DALAM SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Bandar Seri Begawan, Isnin, 25 Januari 2021

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan merujuk kepada Siaran Akhbar Jabatan Perdana Menteri bertarikh 30 Disember 2020, dan pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Hal Ehwal Rentas Sempadan pada 12 Januari 2021, Jabatan Perdana Menteri ingin memaklumkan mengenai perkara-perkara berikut:

- 1. Penangguhan kebenaran kemasukan warganegara asing daripada Malaysia termasuk perjalanan *transit* melalui pos-pos kawalan darat dan laut** dengan melintasi Negara Brunei Darussalam adalah **dilanjutkan selama empat belas (14) hari lagi sehingga 10 Februari 2021**. Sementara itu, *transit* melalui Negara Brunei Darussalam hanya boleh dipertimbangkan bagi **kenderaan-kenderaan yang mempunyai Penyata Kebenaran Transit** yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam, dengan jaminan atau sokongan daripada pihak berkuasa Malaysia yang berkenaan, dengan dikenakan syarat dan prosedur kemasukan yang sedia ada, bagi tujuan berikut:-
 - i. Atas urusan rasmi Kerajaan;
 - ii. Persekolahan;
 - iii. Perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera); dan
 - iv. *Transport Operators* berdaftar di Malaysia dengan Permit Lintas Batas yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam bagi penghantaran bekalan import yang *essential* ke Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.
- 2. Penangguhan sementara kebenaran bagi pengambilan dan penghantaran barangan milik individu di lokasi-lokasi khusus di perkarangan sempadan (*checkpoints*) yang dibuat oleh *runners* berdaftar di Negara Brunei Darussalam juga adalah **dilanjutkan selama empat belas (14) hari sehingga 10 Februari 2021**.**



3. **Penangguhan sementara kebenaran bagi keluar dan masuk negeri secara ulang alik (*commuters*)** melalui pos-pos kawalan darat mahupun laut bagi tujuan pekerjaan adalah juga **dilanjutkan selama empat belas (14) hari sehingga 10 Februari 2021.**
4. **Penangguhan sementara kebenaran keluar negeri bagi pelajar-pelajar untuk membuat perjalanan ke United Kingdom** adalah **dilanjutkan selama satu (1) bulan sehingga 28 Februari 2021.** Selain daripada United Kingdom, penangguhan sementara ini juga **dilaratkan kepada negara-negara yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi** sebagaimana penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan dan melibatkan **semua penuntut-penuntut warganegara Brunei Darussalam.**
5. Kebenaran keluar negeri bagi **warga perkhidmatan awam di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)** untuk membuat perjalanan ke **negara-negara yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi** sebagaimana penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan adalah **ditangguhkan sementara selama satu (1) bulan bermula 26 Januari 2021 sehingga 28 Februari 2021.**

Syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu Hal Ehwal Rentas Sempadan dari semasa ke semasa. Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah menghubungi *travel hotline* di talian **120** semasa waktu bekerja.

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

11 Jamadilakhir 1442
25 Januari 2021



MEDIA RELEASE

EXTENDED TEMPORARY SUSPENSION ON CROSS-BORDER ACTIVITIES, EXTENDED TEMPORARY TRAVEL DELAY FOR STUDENTS STUDYING ABROAD, AND TEMPORARY TRAVEL DELAY FOR CIVIL SERVANTS UNDER THE IN-SERVICE TRAINING SCHEME (LDP)

Bandar Seri Begawan, Monday, 25th January 2021

With the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, and in reference to the Press Release issued by the Prime Minister's Office on the 30th December 2020 and the announcement made by Yang Berhormat the Minister of Home Affairs as Co-Chairman of the Cross-Border Affairs Steering Committee on 12th January 2021, the Prime Minister's Office would like to inform the public on the following:

1. **Temporary suspension on entry of foreign nationals from Malaysia, including transits through Brunei Darussalam via land and sea ports, is extended by fourteen (14) days, until 10th February 2021.** Transit through Brunei Darussalam may only be considered for official Government travels; students who are required to attend school; emergency services (such as ambulances, police and military); and Malaysia-registered Transport Operators with Cross-Country Permits issued by the Government of Brunei Darussalam for import deliveries of essential goods to Brunei Darussalam and Malaysia, granted that the travellers have attained endorsement from the relevant Malaysian authorities for their travels. These transit vehicles will be issued Transit Permits by the Brunei Government and the travellers will be subject to existing entry conditions and procedures.
2. **Temporary suspension on the collection and delivery of private goods at checkpoints handled by runners registered in Brunei Darussalam is also extended by 14 days, until 10th February 2021.**
3. **Temporary suspension on commuters via land and sea for the purpose of work is also extended by 14 days, until 10th February 2021.**



4. **Temporary delay for students travelling to the United Kingdom is extended by one (1) month until 28th February 2021.** Apart from the United Kingdom, this delay is also applied for due travels to **other countries categorized as high risk** by the Ministry of Health and **involves all students of Brunei Darussalam**.

5. **Exit country approvals for civil servants under the In-Service Training Scheme (LDP) due to travel to countries categorized as high risk** by the Ministry of Health will be **temporarily delayed for one (1) month, effective from 26th January 2021 to 28th February 2021.**

The conditions for the consideration of entry and exit travel mentioned above are subject to review by the Cross-Border Affairs Steering Committee from time to time. For further information and details, please contact our operators at the travel hotline [120](tel:120) during working hours.

PRIME MINISTER'S OFFICE

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

11 Jamadilakhir 1442
25th January 2021